

## Risiko perubahan iklim terhadap sektor pembinaan Malaysia

**SECARA** umumnya di Malaysia, perubahan iklim telah memberi tekanan besar terhadap alam sekitar, ekonomi dan sosial. Bagi negara yang bergantung kepada sektor pertanian, perubahan iklim merupakan malapetaka yang paling buruk kerana menjejaskan hasil pertanian yang merupakan sumber ekonomi utama negara.

Sektor ekonomi lain seperti pembinaan turut terjejas ekoran perubahan iklim sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Industri pembinaan dikategorikan sebagai pemacu ekonomi utama negara. Buktinya pada suku tahun pertama 2023, sumbangan sektor pembinaan kepada Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) mencatatkan 7.4 peratus.

Dalam sektor pembinaan, keadaan cuaca ekstrem seperti hujan lebat, banjir kilat, ribut petir, angin kencang dan cuaca panas menjadi punca utama kelewatan projek, keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan.

Kelewatan projek mengakibatkan



**Cuaca panas ekstrem membahayakan keselamatan dan kesihatan pekerja yang melakukan kerja di tapak pembinaan. - Gambar hiasan**

pembekal atau kontraktor dikenakan denda atau ganti rugi. Keadaan cuaca yang ekstrem menghalang keupayaan pekerja untuk melaksanakan kerja secara optimum.

Hujan lebat berterusan boleh mengakibatkan air bertakung dan

seterusnya menyumbang kepada kejadian banjir kilat. Bahan binaan yang ditenggelami banjir akan mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan.

Cuaca panas ekstrem juga membahayakan keselamatan dan kesihatan pekerja yang melakukan kerja

di tapak pembinaan. Suhu yang mencecah 37 hingga 38 darjah Celsius boleh mengakibatkan badan manusia mengalami kelesuan dan strok haba.

Dapat dirumuskan bahawa kesedaran dan pengetahuan am berkenaan trend cuaca semasa dalam kalangan kontraktor dan pemaju pembinaan terutama di Malaysia adalah penting untuk merangka penjadualan projek pembinaan.

Pemantauan berterusan oleh penyelia tapak dan penyelia projek haruslah disokong dengan data cuaca semasa daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Dengan cara ini, risiko kelewatan projek dapat diatasi dan keselamatan pekerja terjamin apabila maklumat cuaca turut diambil kira semasa proses merangka jadual projek pembinaan.

*\* Profesor Madya Dr Haryati Shafii ialah Pensyarah dan Penyelidik Utama Pembinaan Infrastruktur Mampu dan Pengurusan Alam Sekitar (CSIEM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*



Orang ramai yang ingin memberi sebarang pendapat boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823** atau e-mel [aduan@sinarharian.com.my](mailto:aduan@sinarharian.com.my).

**10 pagi hingga 8 malam  
setiap hari**